**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**
**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN)**
**PENGURUSAN PERPUSTAKAAN**

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM (TOKOH YANG TAK DIDENDANG) TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015


**NUR SOLEHAH BINTI IZZATULLAH SHEIKH** **2015143143**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN** **2015158927**


**SEMESTER MAC-JULAI 2017**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**
**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

**ISI KANDUNGAN**


| KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|
| ABSTRAK | 1 |
| PENGHARGAAN | 2 |
| SENARAI SINGKATA PERKATAAN | 4 |
| BIODATA | 6 |
| PENGENALAN | 10 |
| KAJIAN LITERATUR | 12 |
| RINGKASAN TRANSKRIP | 15 |
| RALAT | 73 |
| LOG TEMUBUAL | 75 |
| DIARI PENYELIDIKAN | 80 |
| INDEKS | 83 |
| RUJUKAN | 87 |
| LAMPIRAN | 89 |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

**ABSTRAK**

Transkrip Temubual Bersama Encik Haji Ramli Bin Ibrahim Mengenai Pengalaman Beliau Sebagai Tokoh Pendukung Seni Terengganu 2015

**Abstrak :** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Haji Ramli Bin Ibrahim iaitu Tokoh Pendukung Seni Terengganu 2015. Temubual ini telah dijalankan pada 27 Mei 2017 bertempat di kediaman beliau, iaitu di . Tujuan temubual ini dijalankan adalah untuk mengetahui dan mendalami lebih lanjut mengenai lagu-lagu daerah dan rakyat. Temubual ini dijalankan pada jam 10.00 pagi sehingga 12.00 tengahari. Transkrip ini menyentuh mengenai pengalaman yang dilalui oleh Encik Haji Ramli Bin Ibrahim sepanjang penglibatan beliau dalam seni terutama mengeani lagu-lagu tradisi dan rakyat atau daerah. Selain itu, beliau turut berkongsi suka dan duka sepanjang hidupnya dengan penuh perasaan dalam bidang seni ini.*

Kata Kunci : Encik Haji Ramli Bin Ibrhim, Tokoh Pendokong Seni Terengganu 2015

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

# PENGHARGAAN

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ıngın merakamkan kesyukuran kami terhadap Allah s.w.t dengan berkat-Nya kami berjaya menyelesaikan tugasan mengenai Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami berasa sangat bersyukur kerana diberikan kesihatan yang baik, semangat yang kuat dan segala kemudahan dari-Nya semasa menyiapkan tugasan ini walaupun terdapat beberapa halangan dan kesukaran namun kami berjaya menghadapinya dengan baik. Alhamdulillah.

Seterusnya kami ıngın mengucapkan terima kasih kepada pembimbing akademik kami, untuk untuk subjek ini iaitu IMR 604- Oral Documentation (Sejarah Lisan), Dr Azree Ahmad kerana memberi kami masa yang cukup untuk menyiapkan tugasan ini. Beliau memberikan panduan, dan penjelasan tentang bagaimana untuk menyiapkan tugasan ini dengan cara yang betul. Kami sangat menghargai segala usaha dan pertolongan yang diberikan oleh beliau.

Setinggi-tinggi jutaan terima kasih kami ingin ucapkan kepada Encik Haji Ramli bin Ibrahim, atas kerjasama yang beliau berikan. Tanpa bantuan beliau, kami tidak mungkin dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap.

Seterusnya, kami ingin mengucakpkan terima kasih kepada ibu bapa kami yang sentiasa memberi sokongan moral dan nasihat untuk menyiapkan tugasan ini. Mereka (ibu bapa) juga membantu kami dalam menyiapkan tugasan ini dari segi kewangan untuk memastikan tidak akan ada masalah mengenai kewangan untuk menghasilkan tugasan yang baik dalam pelajaran kami.

Akhir sekali terima kasih yang tidak terhingga untuk semua rakan-rakan yang juga menyumbang dengan memberikan beberapa maklumat yang mereka tahu mengenai tugasan ini. Pendapat mereka, pandangan dan maklumat yang telah dikongsi oleh setiap daripada mereka juga memberi kami manfaat dalam menyelesaikan tugasan kami.

Terima Kasih.

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

# SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

## SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

| | |
|---|---|
| Ramli IB | Ramli Ibrahim |
| SMTB | Sekolah Menengah Tengku Bayah |
| PLBN | Pusat Latihan Belia Negara |
| SUK | Setiausaha Kerajaan |
| UMNO | United Malays National Organisation |
| Tv | Televisyen |
| MAS | Malaysian Airline |
| AF | Akedemi Fantasia |
| RTM | Radio Televisyen Malaysia |

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH
MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

# BIODATA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

## 1.0 BIODATA

### 1.1 BIODATA PENEMURAMAH



Nama : Nur Solehah Binti Izzat Ullah Sheikh

Alamat :

No. Telefon :

E-Mel :

Program : Ijazah Sarjana Muda Sains Perpustakaan (Kepujian)

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

## 1.2 BIODATA PENEMURAMAH



Nama : Mohd Farhan Bin Azizan

Alamat :

No. Telefon :

E-Mel :

Program : Ijazah Sarjana Muda Sains Perpustakaan (Kepujian)

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

## 1.3 BIODATA PENCERITA



Nama : Haji Ramli Bin Ibrahim

Nama Pena : Ramlie Ib

Tempat Lahir :

Tarikh Lahir : 11 Setember 1949

Status : Berkhawin

Pekerjaan : Pesara Jabatan Belia dan Sukan (Kompleks Belia dan Sukan Negeri Terengganu)

**PENDIDIKAN**

| | |
|---|---|
| Sekolah Kebangsaan | Kuala Terengganu 1956-1957 |
| Sekolah Kebangsaan | Dungun, Terengganu 1958-1959 |
| Sekolah Kebangsaan | Kuala Terengganu 1960-1961 |
| Sekolah Menengah | Kuala Terengganu 1962-196 |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

# PENGENALAN

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

## 2.0 PENGENALAN

Transkrip temubual bersama Encik Haji Ramli Bin Ibrahim telah dijalankan pada 27 Mei 2017 bertempat di kediaman beliau, iaitu di Kuala Terengganu. Tujuan temubual ini dijalankan adalah untuk mengetahui dan mendalami lebih lanjut mengenai lagu-lagu daerah dan rakyat.

Encik Haji Ramli Bin Ibrahim telah dilahirkan di Kampung , Kuala Terengganu pada 11 September 1949. Beliau telah berkhawin dengan pilihan hati beliau, iaitu Puan Hajjah Muzikiah Binti Salim. Hasil perkongsian hidup beliau dan isteri, mereka telah dikurniakan tiga orang cahaya mata iaitu dua puteri dan seorang putera.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kuala Terengganu dari tahun 1956 hingga 1957. Pada tahun 1958 hingga 1959, beliau telah bersekolah di Sekolah Kebangsaan Dungun, Terengganu dan seterusnya menamatkan persekolahan peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan , Kuala Terengganu pada tahun 1960 hingga 1961. Di peringkat menengah pula, beliau bersekolah di Sekolah Menengah Kuala Terengganu dari Tahun 1962 hingga 1964 dan telah menduduki peperiksaan Lower Certification or Education (LCE).

Transkrip temubual ini dijalankan selama 2 jam. Penumpuan temubual ini menjerumus kepada pengalaman Encik Haji Ramli Bin Ibrahim sepanjang hidupnya dari mula penglibatan veliau dalam bidang nyanyian sehingga diberi gelaran Tokoh Pendokong Seni Terengganu pada tahun 2015.

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH
MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

# KAJIAN LITERATUR

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

## 3.0 KAJIAN LITERATUR

Lagu daerah atau lagu tradisi rakyat, adalah lagu atau musik yang berasal dari suatu daerah tertentu dan menjadi terkenal dinyanyikan baik oleh rakyat daerah tersebut atau sebaliknya. Lagu kedaerahan biasanya memiliki lirik sesuai dengan bahasa daerah masing-masing seperti lagu Watimang Landok yang berasal dari Kuala Terengganu.

Lagu tradisi atau daerah ini biasanya dinyanyikan atau dimainkan pada tradisi-tradisi tertentu sebagai hiburan rakyat pada satu masa dahulu.

Lagu tradisi atau daerah biasanya merujuk kepada sebuah lagu yang mempunyai irama khusus bagi sebuah daerah. Ia menceritakan tentang budaya masyarakat setempat yang sangat dipengaruhi oleh adat istiadat setempat. Selain itu, ia mengandung nilai-nilai kehidupan.

Lagu- lagu tradisi rakyat adalah lagu-lagu yang telah terlalu tua usianya dan tidaklah dapat dikesan dengan setepatnya bilakah ianya telah bermula. Namun satu andaian yang mungkin boleh dipakai ialah ianya wujud semasa masyarakat Melayu menganuti fahaman animism lagi. Lalu dalam hal ini, lagu-lagu tradisi begini boleh kita klasifikasikan sebagai juga satu bentuk sastera lama dalam genre puisi.

Serupa juga dengan sastera rakyat ianya berkembang dalam masyarakat Melayu lama kemudian titis-menitis dari satu keturunan kepada satu keturunan secara lisan. Bagaimanapun hingga ke hari ini kita agak cuai dalam mengekalkan kesenian warisan itu sehingga kita tidak begitu sedar lagu-lagu itu pernah wujud dan masih boleh dikesan pada masa ini walaupun ianya sudah terlalu berkurangan.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

Kebanyakkan lagu-lagu tradisional ini telah lama dilupakan dan kurang diingati oleh masyarakat sekarang, namun usaha-usaha masih boleh dijalankan. Sepanjang usaha-usaha menjalankan penyelidikan ini bukan sahaja kesukaran yang sedemikian yang akan ditempuhi tetapi lebih banyak dari itu lagi. Antara kesukaran yang dihadapi ialah kebanyakkan lagu yang berkaitan dengan lagu tradisi ialah berkaitan dengan dialek. Maka mungkin kita tidak memahami lagu tersebut dan menghilangkan minat untuk mendalaminya.

NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH
MOHD FARHAN BIN AZIZAN

# RINGKASAN TRANSKRIP

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

## 4.0 RINGKASAN TRANSKRIP

Saya, Nur Solehah Binti Izzat Ullah Sheikh Telah menebual Encik Haji Ramli Bin Ibrahim yang merupakan seorang pesara Jabatan Belia dan Sukan (Kompleks Belia dan Sukan Negeri Terengganu) dan merupakan seorang Tokoh Pendokong Seni Terengganu 2015 yang telah diiktiraf oleh Jabatan Kebudayaan Dan Keseniaan Negara (JKNN), Terengganu. Temubual ini telah dijalankan pada 27 Mei 2017 bertempat di kediaman beliau, iaitu di Pasir Panjang Kuala Terengganu. Tujuan temubual ini dijalankan adalah untuk mengetahui dan mendalami lebih lanjut mengenai lagu-lagu daerah dan rakyat.

Encik Haji Ramli Bin Ibrahim telah dilahirkan di Kampung Pasir Panjang, Kuala Terengganu pada 11 September 1949. Beliau telah berkhawin dengan pilihan hati beliau, iaitu Puan Hajjah Muzikiah Binti Salim. Hasil perkongsian hidup beliau dan isteri, mereka telah dikurniakan tiga orang cahaya mata iaitu dua puteri dan seorang putera.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pasir Panjang Kuala Terengganu dari tahun 1956 hingga 1957. Pada tahun 1958 hingga 1959, beliau telah bersekolah di Sekolah Kebangsaan Bukit Besi Dungun, Terengganu dan seterusnya menamatkan persekolahan peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan Pusat Bukit Besar, Kuala Terengganu pada tahun 1960 hingga 1961. Di peringkat menengah pula, beliau bersekolah di Sekolah Menengah Tengku Bariah Kuala Terengganu dari Tahun 1962 hingga 1964 dan telah menduduki peperiksaan Lower Certification or Education (LCE).

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

Beliau mula bergiat dalam bidang nyanyian sejak di bangku sekolah lagi, dan telah mendapat pelbagai anugerah dalam pelbagai pertandingan nyanyian. Beliau mula aktif dalam bidang nyanyian Seni bermula pada tahun 1973 bersama orkes RTM Kawasan Timur (RTM Kuala Terengganu) yang kini dikenali sebagai Terengganu FM. Permulaan beliau dalam bidang seni ialah sebagi penari kebudayaan dan penyanyi semasa. Beliau juga menjadi penyanyi latar yang menyanyikan lagu-lagu rakyat sebagai persembahan selingan dan mengiringi tarian. Pada tahun 1975, beliau telah mengorak langkah ke satu lagi cabang seni iaitu menjadi pemain alat muzik gamelan dan seterusnya mula menulis lirik lagu.

Transkrip temubual ini dijalankan selama 2 jam. Penumpuan temubual ini menjerumus kepada pengalaman Encik Haji Ramli Bin Ibrahim sepanjang hidupnya dari mula penglibatan beliau dalam bidang nyanyian sehingga diberi gelaran Tokoh Pendokong Seni Terengganu pada tahun 2015. Sepanjang sesi temubual rakaman kami adalah sangat baik walaupun terdapat sedikit ganguan dari segi bunyi yang tidak dapat dielakkan. Hal ini berlaku kerana lokasi temubual ini adalah dikediaman beliau, dan ada tikanya, beliau bercakap dengan anak serta isteri yang kebetulan ada di tempat kejadian. Walau begitu, kesemua maklumat penting mengenai pengalaman beliau dapat direkod dan ditranskrip dengan jayanya. Alhamdulillah.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

# TRANSKRIP TEMUBUAL

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

**Berikut adalah sesi temubual diantara Nur Solehah Binti Izzat Ullah Sheikh bersama Encik Haji Ramli bin Ibrahim mengenai pengalaman beliau sebagai Tokoh Pendokong Seni Terengganu pada 2015. Temubual ini dijalankan di kediaman beliau, di Kampung Pasir Panjang, Kuala Terengganu pada 27 Mei 2017.**

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Bismilahirahmanirahim. Assalamualaikum w.b.t. Hari ni 27 haribulan hari sabtu kami bersama seorang tokoh seni Kuala Terengganu, Encik Ramli. Sebelum kami mulakan temuabual ini, terima kasih kepada Encik Ramli kerana sudi ditemuramah oleh kami. Apa khabar Encik Ramli?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Waalaikummussalam. Khabar baik. Alhamdulillah. |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

**Kami**

**Pertama sekali saya berbesar hati lah sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Encik Ramli kerana sudi menerima saya dan meluangkan masa untuk ditemu ramah. Boleh Encik Ramli cerita sedikit tentang latar belakang encik Ramli?**

**Tuan Haji Ramli**

Saya nama penuh arr arr (berfikir) saya Haji Ramli Bin Ibrahim dengan nama pena saya arr arr (berfikir) Ramli IB. Kalau di Kuala Terengganu ni orang kenal dengan Ramli IB la. IB tu Ibrahim lah. Singkatannya. Jadi saya arr arr (berfikir) dilahirkan di Kampung Pasir Panjang pada 11 bulan 9 1949. Ok saya arr arr (berfikir) berkahwin dengan orang Kuala Telemong hulu Terengganu. Nama isteri saya Hajah Nur Zikiah Bt Salim. Okay saya mempunyai tiga orang anak. Anak pertama saya Nazira Ramli, anak kedua Nuraini Amira binti Ramli, anak ketiga anak bongsu lelaki Ahmad Fahmi Basri bin Ramli dan saya mempunyai tiga orang menantu. Menantu. Arr arr (berfikir) pertama, Encik Zairi bin Yusof, menantu arr arr (berfikir) kedua Siti Ilhana binti Mohd Nor arr arr (berfikir) dan ketiga Encik Ufian Mohamad arr arr (berfikir)

dan mempunyai tiga orang cucu. Cucu pertama Ahmad Farish, Ahmad Umar Fayadh, Indah Ilfa Hafiya. Saya bekas pesara di Jabatan masa tu arr arr (berfikir) masa saya mula-mula berkerja tahun 1971 arr arr (berfikir) di Pejabat Kebudayaan Belia Dan Sukan masa tu sebelum dia dipecahkan, jadi saya arr arr (berfikir) boleh diceritakan saya bersekolah di banyak tempat la saya bersekolah ni arr arr (berfikir) mula-mula di sekolah kebangsaan Pasir Panjang, pastu saya pindah ke Bukit Besi, balik lagi ke Kuala Terengganu saya bersekolah di sekolah Pusat Bukit Besar pastu saya menyambung di sekolah menengah di Sekolah Menengah Tengku Bariah Kuala Terengganu.

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Jadi Encik Ramli selesa panggil Encik Ramli ke?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Arr arr (berfikir). Pak Ramli. |
| **Solehah** | **Pak Ramli. Ok Pak Ramli arr arr (berfikir) saya nak tanya apa perasaan Pak Ramli bila dapat gelaran Tokoh Pendukung Seni Terengganu ni?** |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | |
|---|---|
| **Tuan Haji Ramli** | Arr arr (berfikir) memang nak kata bangga, memang bangga jugak lah arr arr (berfikir) sebab saya tidak menyangkakan mana perjuangan seni saya tidak nampak benda-benda bergini maknanya saya kan waktu tu hobi kan, kebetulan saya bekerja di pejabat kebudayaan di situ kan di longgok dengan kebudayaan tempat latihan badan-badan kesenian berlatih menari, ada muzik ada nyanyi situ. Jadi saya maknanya, tapi masa saya sekolah rendah memang saya berjiwa seni saya ada dah sebab saya memang nyanyi dah, di sekolah menyanyi, selepas mendengar pun menyanyi. Saya pernah menyertai Qoir apa ni arr arr (berfikir), Qoir Negeri Terengganu beberapa kali buat persembahan. Jadi bila saya kerja situ, saya tengok ada lah latihan tarian saya pun cuba arr arr (berfikir) masuk kursus tarian, sambil bekerja sambil kursus tarian.<br>Lepastu ada *band* [kumpulan] situ, saya pun nyanyı, jadi nyanyı. Jadi benda-benda gitu (seperti itu) la jadi macam berdarah seni, mungkin darah seni tu ada situ tapi kalau nak cerita darah seni memang lah keluarga saya, sepupu, pak sedara memang ada, semua ada. Macam bapa saudara saya sendiri, dia duduk |

di Johor, dia memang pemain muzik Ghazal, anak-anak dia pun menyanyi. Jadi arr arr (berfikir) mungkin lah kan dikatakan darah seni jugak la. Tapi jadi kerana arr arr (berfikir) saya didedahkan dengan muzik-muzik, dengan tarian, jadi secara tak lansung saya pun cuba sama, jadi masa tu saya maknanya perjuangan saya masa tu saya tak, mula-mula tu saya tak dapat apa cuma hanya hobi semata.

**Solehah** | **Ermm (berfikir) pastu (jadi) Pak Ramli ni selesa saya cakap Terengganu juga ke, sebab supaya kita rasa lebih dekat. Ok arr arr (berfikir).**

**Tuan Haji Ramli** Hurm (setuju)

**Solehah** **Maksudnya Pak Ramli Sekolah Pasir Panjang dan Bukit Besi, gitu (bergitu) lah kan, okay, dari zaman sekolah tu memang Pak Ramli suka subjek yang berkaitan seni-seni ke? Macam muzik ke?**

**Tuan Haji Ramli** Tidak juga, tapi cuma masa tu bila ada aktiviti sekolah dulu kan, saya cuba. Jadi, bila ada *time* [waktu] Qoir ke *time* [waktu] nyanyi ke memang saya akan *join* [sertai]. Haa mula-mulanya gitu la, maknanya dari permulaan saya gitu lah.

**Solehah** ***So*** **[jadi], adakah Pak Ramli bergiat cergas jugak dalam sukan ke selain daripada muzik tu, maksudnya benda-benda lain jugak berminat jugak?**

**Tuan Haji Ramli** Arr arr (berfikir) sukan tak, tak minat lansung, minat tengok je, tapi tidak menceburi.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Maksudnya cita-cita dari kecil nok (nak) jadi orang seni ke?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Tu lah kata tidak ada cita-cita masa tu, sebagai hobi. Kita di dedah di tempat kita kerja tu ada benda gitu (seperti itu) , jadi secara tak lansung benda ni. |
| **Solehah** | **Maksudnya daripada keluarga Pak Ramli sendiri la?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Lepastu saya bila kerja situ, arr arr (berfikir) dekat kebudayaan tu arr arr (berfikir) Pejabat arr arr (berfikir) Setiausaha Kerajaan Ternggganu, dia menubuhkan kumpulan penari dan pemuzik tetap Negeri Terengganu. Jadi arr arr (berfikir) dekat situ saya, dia orang tarik-tarik yang mana ada bakat, dia tarik bagi jadi dalam *group* [kumpulan] tu. Jadi masa itulah saya, arr arr (berfikir) tapi permulaan saya sebagai penari, bila ditubuh tahun 74, maknanya lepas 74 saya *start* [Mula] arr arr (berfikir). Kebudayaan ini tidak toleh ke belakang lagi lah, terus, terus. Tapi bermula saya dengan, saya cerita lah, saya bermula dengan seorang penari. Disamping itu |

jugak saya menyanyi, di samping jugak saya *back-up* [pengganti] untuk arr arr (berfikir) penyanyi lagu-lagu lain daerah Terengganu untuk tarian, kalau saya dok (tidak) menari, saya menyanyi untuk *back-up* [melengkapkan] tarian lagu Terengganu. Arr arr (berfikir) jadi arr arr (berfikir) itu satu. Yang kedua saya dalam masa tu saya tak sedar, dan saya boleh nyanyi tu saya arr arr (berfikir) ada di antara kawan saya tu Encik Zamani Taha, dia buat lagu tu.

Lepas tu saya buat lirik. Dia kata arr arr (berfikir) saya kata cuba saya nak buat lirik, jadi saya pun buat lirik. Di samping buat lirik tu saya jadi mari (datang) lagi idea saya jadi seorang pencipta. Jadi penulis lirik dan pencipta lagu-lagu daerah Terengganu. Lepas tu arr arr (berfikir) pada masa yang sama jugak lepastu jadi benda tu dah berkembang tu, saya cuba Gamelan pulak dalam kumpulan itu la main Muzik Gamelan.

**Solehah** **Sebab saya pun masa sekolah dulu saya masuk Gamelan. Maksudnya tapi tak pergi jauh la. Peringkat sekolah tanding (bertanding) gitu-gitu (biasa) je lah.**

| | |
|---|---|
| | **Lepas tu arr arr (berfikir) maksudnya selepas Pakcik Ramli tamat je sekolah tu memang terus masuk ke?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Eh dok (tak) saya habis sekolah saya pergi ke arr arr (berfikir) Belia Pembina Negara di Dusun Tua. Saya arr arr (berfikir) habis belajar arr arr (berfikir) habis belajar saya pergi ke Dusun Tua, masuk di 'apa ni' (berfikir) Pusat Latihan Belia Negara Dusun Tua. Balik pada itu lah saya depat kerja di Pejabat Kebudayaan. |
| **Solehah** | ***So*** **[jadi], macam mana Pakcik Ramli bahagikan antara kerja dengan keluarga tu?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Arr arr (berfikir) tapi nak kata memang lah masa saya aktif tu kan, saya kerja lagi, petang maknanya *part-time* [sambilan] pukul 4 habis pergi ke SUK, latihan masa tu di Dewan Tunku Abdul Rahman, permulaan. Jadi maknanya memang keluarga saya memang tinggal sokmo (selalu) la masa tu. Tapi saya mencebur tu belum kahwin lagi. |

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Ohh (faham).** |
| **Tuan Haji Ramli** | Masa saya kahwin tu saya dalam kesenian dah. |
| **Solehah** | ***So* [jadi], maksudnya arr arr (berfikir) isteri Pakcik Ramli memang sokong Pakcik Ramli lah?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Haa (setuju). Dan saya okay arr arr (berfikir) isteri saya sekarang pun arr arr (berfikir) makna saya arr arr (berfikir) bila saya dah menari tu, saya boleh jadi seorang jurulatih tarian. Jadi arr arr (berfikir) Pejabat Kebudayaan ni, dia hantar ada badan-badan kesenian mintak, badan-badan pejabat 'ape ni' (berfikir) badan-badan belia arr arr (berfikir) mintak saya pergi ajar Dungun, Marang, Hulu Terengganu. Jadi arr arr (berfikir) isteri saya macam murid saya lah. Arr arr (berfikir) saya gi (pergi) mengajar di Hulu Terengganu arr arr (berfikir) isteri saya seorang murid yang di kelas tarian tu. |
| **Solehah** | ***So* [jadi], maksudnya memang dia sokong la?** |

**Tuan Haji Ramli** Haa (setuju) dia sokong la.

**Solehah** **Pakcik Ramli menjadi serasi dengan isteri melalui ini lah. Pastu, maksudnya Encik Ramli kata Encik Ramli ada beberapa orang anak dan cucu. Anak-anak Encik Ramli tu memang ada yang ikut jejak langkah Pakcik Ramli tak?**

**Tuan Haji Ramli** Ikut nak kata 100 percent tu tidak lah. Tapi memang ada. Nampak ada di antara mereka tu memang berbakat ada bakat lah. arr arr (berfikir) salah seorang anak saya yang sulung perempuan pun dia *sister* [jururawat] dia masa dia duduk dalam kolej lagi dia di Muar Johor arr arr (berfikir) 3 tahun tu dia memang bila ada Qoir ke untuk hari *Nursing Day* [Hari Jururawat], dia lantik jadi jurulatih. Jadi maknanya benda tu ada dalam jiwa dia jugak lah. Yang anak kedua saya arr arr (berfikir) menari jugak sebelum kerja, masa lepas sekolah dia menari dengan Kerajaan Terengganu jugak. Putera.Yang tiga ni dia laki ni dia kerja, kebetulan pulak dia kerja di Bahagian Kebudayaan SUK.

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Maksudnya, dia ada mintak macam pandangan, pendapat Pakcik Ramli lah, macam dia nak untuk jadi macam buat persembahan tu?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Haa (setuju) tu memang la. Benda tu tak boleh lari la. Mesti dia mintak pandangan saya macam mana benda-benda gini (seperti ini). |
| **Solehah** | ***So* [jadi], Pakcik Ramli memang tak larang la, suka?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Yelah. Mana saya rasa kalau orang seni ni bila anak dia tu, dia tak larang lansung. Sesiapa pun. |
| **Solehah** | ***So* [jadi], apa prinsip hidup Pakcik Ramli?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Hurm. Prinsip hidup saya? Saya gini, macam kata prinsip hidup saya arr arr (berfikir), saya suka buat, saya suka buat apa saya suka, tapi benda yang baik lah kan. Haa, itu prinsip saya. Saya, kalau anak saya pun, suka apa yang dia suka, saya tidak suka menyekat-nyekat benda-benda |

gitu [seperti itu].

**Solehah** **Memandangkan, Pakcik Ramli ni kan macam arr arr (berfikir) suka berkaitan seni-seni. Siapa yang pakcik letakkan sebagai idola pakcik dari kecik sampai sekarang?**

**Tuan Haji Ramli** Idola arr arr (berfikir), sebab saya arr arr (berfikir) sebagai tu kan. Tapi saya dulu masa kecik saya tengok kalau di Kelantan ada Kadijah Awang, *legend* [terkenal] kan, dia dapat Primadona Makyong haa (mengiayakan) Makyong tapi di Terengganu ada Wan Samat Sulaiman. Masa tu saya memang tengok fuhh (hebat) dorang ni, dia Wan Samat Sulaiman tu seorang penyanyi kan, lagu Ulek Mayang orang pertama. Pastu saya tengok masa dulu-dulu saya tengok lah dorang menari yang senior daripada saya. Jadi kita anggap benda-benda gitu (seperti itu), kita tengok kan, tertarik tu.

**Solehah** **Maksudnya daripada kecik lagi lah benda tu?**

**Tuan Haji Ramli** Hmmm (setuju).

**Solehah** **Sebelum Pak Cik Ramli menyertai bidang seni ni, maksudnya sebelum Pak Ramli bergiat aktif dalam menghasilkan lagu ni, pernah tak pakcik Ramli, memang Pakcik Ramli cerita tadi masuk dalam pertandingan nyanyian dok [kan], contoh pertandingan nyayian yang Pakcik Ramli masuk tu, yang pakcik mana ingat ?**

**Tuan Haji Ramli** Arr arr (berfikir) apa ni banyak jugak masa-masa zaman-zaman remaja lah, arr arr (berfikir) masa lepas sekolah pun saya pernah mendapat arr arr (berfikir) juara A. R Azmi, penyanyi klasik dulu lah maaf lah kalau tak kenal A.R Azmi. Pastu masa Umno buat pertandingan P.Ramlee saya juara jugak. Saya tak banyak mana masuk tu cuma persembahan pentas saya banyak, arr arr (berfikir) saya tak banyak menyertai pertandingan, tapi sebab kita, bila kita tu dapat dengan kumpulan yang *top* [terkenal] selalu di Terengganu.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Maknanya, masa dapat hadiah tu, ada lagi dok (tak) hadiah-hadiah tu yang pakcik Ramli simpan?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Sebelum tu tak dok (tiada) dah. Sebab tu saya kata, sebab saya maknanya seni saya saya baca saya tidak apa tidak nampak arr arr (berfikir) benda-benda tu akan menjadi satu tu kan. Jadi sebab saya kata kan tadi, saya tak nampak benda ni akan jadi dihargai, dipandang, disanjung, bukan kata saya riak, tidak kan, sebab tu saya kata saya tak nampak.Tapi bila dah saya dah kata orang bila saya maknanya saya dah buat jadi seorang pencipta lagu, penyanyi, penulis lirik, gamelan juga tari. Jadi masa tu jadi benda tu dah jadi orang pandang dok (kan) arr arr (berfikir) orang yang berkenaan yang ada kaitan tu dia lagi pandang saya. |
| **Solehah** | ***So* [jadi], siapa yang sebenarnya mendorong memberi galakan kepada Pakcik Ramli ni untuk apa tu, dalam bidang untuk meneruskan kerjaya dalam bidang maksudnya mungkin dari mak ke ayah ke?** |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | |
|---|---|
| **Tuan Haji Ramli** | Ok saya dibesarkan tanpa ayah, saya umur setahun ayah saya meninggal, duduk ngan (bersama) mak.Tapi ehemm (berdehem) saya macam saya buat lirik lagu pun banyak jugak daripada mak saya, jadi saya nampak mak saya lah orang yang arr arr (berfikir) dorong beri dorongan, tidak pernah menghalang minat, dia selalu suka saya pergi, saya dapat pergi mana-mana kan di Kuala Terengganu gitu memang dia jadi saya kira mak saya lah. |
| **Solehah** | **Maksudnya lirik yang Pakcik Ramli buat tu berdasarkan pengalaman?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Arr arr (berfikir) mak. Mak saya, ada arr arr penyanyi patung dia lama-lama dia arr arr (berfikir). |
| **Solehah** | **Maksudnya Pakcik Ramli seorang yang, orang kata peka la bila mak cerita, setengah orang kan macam gitu (tidak peka) jelah heheh (ketawa). Pastu apa yang *genre* [konsep] muzik yang Pakcik Ramli minat, suka.** |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | |
|---|---|
| **Tuan Haji Ramli** | Mane arr arr (berfikir) maksudnya apa konsep lagu ke? |
| **Solehah** | **Konsep lagu atau konsep muzik yang macam mana Pakcik Ramli minat?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Arr arr (berfikir) saya bermula dengan lagu masa tu masa zaman saya remaja masa tu dia *popular* [terkenal] dengan pop yeh yeh. Jadi kita masa tu kita pop yeh yeh. Jadi sebab masa tu benda ni kita dok [tak] jadi lagi kan. Bila dah, pastu [selepas itu] lagu-lagu semasa la. Bila saya dah sayang, kasih, cinta pada lagu-lagu daerah Terengganu, bila saya dah nyanyi, bila saya dah pandai buat lirik, saya pandai buat lagu arr arr (berfikir) jadi konsep irama Malaysia, Asli, Keroncong maknanya arr arr (berfikir) lagu rakyat, lagu daerah, Jadi memang dah sebati ngan saya. Malah saya, bila kita dengar lagu tu tak dok [tak] rasa apa dah. |
| **Solehah** | **Hehehe (ketawa) maksudnya dulu-dulu la, pengalaman Pakcik Ramli duduk mungkin dulu pakcik Ramli macam berkawan kan, duduk ramai-ramai, nyanyi ramai-ramai pernah la ingat lagi.** |

**Maksudnya kawan-kawan pakcik Ramli pun ada jugak dok |tak| yang maksudnya menceburi bidang yang sama Pakcik Ramli ceburi ni?**

**Tuan Haji Ramli**

Arr arr (berfikir). Okay. Saya bila saya bekerja pejabat kebudayaan macam kita cerita tadi kan arr arr (berfikir) jadi bila saya ber arr arr (berfikir) berkecimpung dengan orang-orang seni ni, jadi kan, dunia saya di situ jelah, dengan orang seni tu. Jadi saya berkawan dengan orang seni semua, jadi saya berkawan. Maknanya arr arr (berfikir). suka duka tawa, susah senang apa ni kawan, itu lah daripada kalangan penari, penyayi, pemuzik tu lah bila ada tu jadi saya masa tu sampai tak ada masa nak berkawan, tapi takda masa, tak pernah dengan orang lain.

**Solehah**

**Apa senarai lagu dan karya Pakcik Ramli pernah hasilkan? Maksudnya yang sampai sekarang la orang ingat.**

**Tuan Haji Ramli**

Ok saya ada sedia [menyiapkan] tu kan, tapi awok [awak] boleh ambik tu. Tapi saya cerita jugak dulu lah, arr arr (berfikir) lirik

antara lirik saya yang *popular* [terkenal] maknanya Watimang Landak, Anak Udang, tapi okay saya nak cerita arr arr (berfikir) sembilan puluh sembilan peratus arr arr (berfikir) lirik lagu rakyat Terengganu ada lah ciptaan saya. Dan lirik lima puluh peratus apa ni arr arr (berfikir) lagu-lagu hasil ciptaan ciptaan dengan lirik lain kan tapi lagu saya sebab lagu lirik saya sendiri. Lagu orang lain buat pun saya buat lirik. Jadi tu lah saya kata contoh macam lagu Ulek Mayang. Saya tak buat lah sebab hok [yang] memang nyanyi orang tua kita dah kan, nyanyi orang tua kita jadi tu memang benda ada dah. Jadi kalau lahir nya masa tu daripada 74 sampai ke hari ni, dalam masa tu kan adalah hasil tulisan saya

**Solehah** — ***So*** **[jadi], dalam banyak-banyak lagu yang Pakcik Ramli hasilkan tu, lagu mana yang Pakcik Ramli paling suka?**

**Tuan Haji Ramli** — Saya kalau tanya macam tu saya susah nak jawab sebab bila lagu ciptaan kita, kita semua suka arr arr (berfikir) suka. Arr arr (berfikir) kalau macam lagu tapi macam lagu Watimang Landak tu, anak udang tu

kan bila dah arr arr (berfikir) bila dah jadi popular kesukaan orang jadi saya rasa lansung pun kita pun jadi suka. Macam lagu ciptaan saya pulak zapin Terengganu, Zapin Darul Iman memang hok [yang] saya suka lah tu. Itik Tok Wi, sebab lagu tu popular kan jadi bila orang suka, kita pun suka jugok lah. Apa lagi macam lagu Siti Nurhaliza nyanyi. Tapi tu saya kata sayang lah arr arr (berfikir) orang *public* [awam] tak banyak yang tahu dok (tidak tahu) sapa pencipta sedangkan lagu tu popular, kita bangga jugak Siti nyanyi lagu kita tapi Siti, saya pernah jumpa, Siti tahu lah sapa (siapa) saya sebab saya baik dulu saya berkawan dengan Pak Ngah, Dato Suhaimi Mat Zin, jadi dia pernah bawak saya jumpa Siti, jadi Siti kenal saya. Banyak jugak lah artis arr arr (berfikir) Norhaliza Idris ke apa tu memang tahu lah sapa (siapa) saya.

**Solehah**

**Maksudnya lagu yang banyak beri impak dan kenangan kepada Pakcik Ramli tu macam yang Siti nyanyi tu lah maksudnya orang ingat-ingat lagu tu lah beri macam orang ingat sokmo (selalu) kan.**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Maksudnya bila Pakcik Ramli orang dengar lagu tu bila orang dok (tak) kenal pakcik, Pakcik bangga lah dok (tak)?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Kadang-kadang saya pergi ada dekat pertandingan apa-apa di peringkat kebangsaan tu tapi malah kita rasa bangga arr arr (berfikir) banyak negeri-negeri pakai lagu saya, suara saya bila diaorang buat pesembahan petandingan tarian, lagu saya, suara saya. Jadi kadang-kadang kita, tapi dah lama kita jadi biasa bila kita dengar suara kita dok (kan), biasalah. Arr arr (berfikir) dulu masa baru dok (tak) tapi dah terbiasa. |
| **Solehah** | **Maksudnya, boleh dok (tak) Pakcik Ramli ceritakan proses nak cipta lagu tu. Maksudnya tempat dia, sapa yang terlibat dalam hasil lagu tu, maksudnya lagu-lagu contohnya tadi hok (yang) lagu Siti Nurhaliza nyanyi tu?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Gini (macamni), sebab saya tidak ada akademik khusus, pembelajaran khusus dalam ni jadi arr arr (berfikir) mana ada kerana anugerah Tuhan dok (kan), |

anugerah Tuhan pada saya beri bakat pada saya. Jadi saya dah mana idea saya datang spontan benda gini (macamni) jadi arr arr (berfikir) jadi idea tak tentu masa kadang-kadang masa dulu saya pakai motor, isteri saya di Kuala Telemong jadi jarak ni 16 berapa kilometer daripada kuala Terengganu balik selalu kot (melalui) Telemong tu, melalui jalan kan jalan kampung dengan banyak sawah, kelapa sawit ada, ladang getah ada jadi benda tu dalam masa tu lah masa tu lah idea banyak. Banyak ke lagu sebab tu lagu saya banyak kisah pada alam sebab kita apa ni di mata kita arr arr (berfikir), laut, sawah.

**Solehah** — **Sebab tu saya kata Pakcik Ramli ni seorang yang peka la maksudnya.**

**Solehah** — **Sepanjang hidup pakcik Ramli ni, arr arr (berfikir) berapa buah lagu dah yang Pakcik Ramli hasilkan?**

**Tuan Haji Ramli** — Arr arr (berfikir) lagu ciptaan saya sendiri, ciptaan bila ciptaan saya lirik saya la kan, ada 38 buah lagu, arr arr (berfikir) 38 buah lagu. Dan lirik saya arr arr (berfikir) ada 65

| | |
|---|---|
| | gitu saya rasa. Lirik saya maknanya, arr arr (berfikir) 65 buah lirik. |
| **Solehah** | **Antara lagu-lagu yang pakcik Ramli hasilkan, boleh dok (tak) Pakcik Ramli huraikan sikit, maksudnya, nyanyi ke sikit ke?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Macam arr arr (berfikir) lagu-lagu yang saya kata tadi la, macam kalau lirik saya tu Watimang Landak, Anak Udang tu kan, memang dia dah jadi bualan di bibir-bibir orang sini kan. Arr arr (berfikir) macam lagu ciptaan saya kata tadi, lagu Itik Tok Wi, Itik Gembo Gembo kan, Zapin Terengganu, lagu-lagu tu macam arr arr (berfikir) diorang duk (selalu) nyanyi tu. |
| **Solehah** | **Boleh dok (tak) Pakcik Ramli nyanyi sikit ke, Itik Gembo-Gembo ke, Watimang Landok ke?** |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | |
|---|---|
| **Tuan Haji Ramli** | Arr arr (berfikir) Okay.<br>*'Anok udang udanglah udangva*<br>*Silang ini lah ketika tika ini*<br>*Anok udang menyusurlah turunlah*<br>*Anok teruna turunlah turun setana*<br>*Sama juang di anjung dondang sini*<br>*Anok udang udanglah udangva*<br>*Beduang serulah nok udang*<br>*Belukar semok*<br>*Dekat situlah nok udang*<br>*Belukor semok'* (Menyanyi)<br>Itu lagu Anak Udang kan, rase awok (awak) pun tahu lagu ni kan? |
| **Solehah** | **Hehehe (ketawa) Watimang Landok saya tahu tu, Itik Gembo-Gembo. Boleh dok (tak) Pakcik Ramli, sebab saya nak sangat dengar lagu Watimang Landak tu.** |
| **Tuan Haji Ramli** | *'Watimang watimang landok*<br>*Landok sesama landok*<br>*Turun ke pantai lah dek nandung membeli beras*<br>*Kalau hendok sesama hendok*<br>*Watimang watimang landok*<br>*Gajoh berantai lah dek nandung* |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

*Lagikan terlepas'* (Menyanyi). Arr arr (berfikir) tapi lagu *popular* (terkenal) saya, yang selalu tv-tv (televisyen) ke, radio kalau program berkaitan Terengganu kan, tv (televisyen) arr arr (berfikir) macam tv3 (rancangan televisyen) selalu buat program untuk saya, arr arr (berfikir) lagu Anak Burung Baniung la. Kalau dalam, cari dalam youtube, ade *video clip*, [klip video] dua lagu, Anak Burung Baniung, Watimang Landok ada, arr arr (berikir) Watimang Landak sekarang banyak versi, tapi awak cari yang *original* [asli], Ramli Ibrahim Habsah Yusof', arr arr (berfikir) pahtu lagu Anak Burung Baniung, arr arr (berfikir) cari koleksi Ramli Ibrahim.

**Solehah** — **Saya pernah dengar lagu ni, Itik Gembo Gembo yang versi sekarang, maksudnya?**

**Tuan Haji Ramli** — Itu lah tu, bukan nama pun tajuk dia sama, arr arr (berfikir) tidak ada kaitan dengan lagu Terengganu, jadi tidak, melodi dia tidak. A to Z nyanyi dulu.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Ok sepanjang pakcik Ramli bergiat dalam bidang seni ni kan, ke mana dah pakcik ramli pernah pergi?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Arr arr (berfikir) banyak jugak lah saya, tempat saya kunjung lah kalau kira nanti saya ceritakan. Di Malaysia ni arr arr (berfikir) seluruh Malaysia, utara selatan timur barat, ke Sabah Sarawak, arr arr (berfikir) lepastu di Indonesia, banyak tempat saya pergi di Indonesia, di Thailand pun banyak tempat, beberapa kali di Thailand, Indonesia dua kali, Singapura, Singapore, beberapa kali, arr arr (berfikir) kira yang jauh sikit la, luar pada Asia ni saya pergi ke apa ni, tahun 84 saya pergi ke Hong Kong, pertama saya ke luar Negara masa tu 84, pahtu saya arr arr (berfikir) apa ni, buat kempen tahun melawat Malaysia, arr arr (berfikir) saya buat di Eropah, masa tu saya pergi ke, saya pergi Frankfurt di Jerman, Paris di Perancis, London United Kingdom, arr arr (berfikir) Amsterdam di Belanda, Milan di Itali, Zurich Itali, saya pergi masa tu 11 November hingga 8 December 98, arr arr (berfikir) pahtu saya pergi, masa penerbangan sulung MAS |

Malaysia airline ke Afrika Selatan, arr arr (berfikir) saya Terengganu di pilih mewakili Malaysia bagi pelancaran ni lah, penerbangan pertama sulung ke Afrika Selatan tahun 1992. Pahtu (selepas itu) arr arr (berfkir) *last* [akhirnya] tu kan masa tu persembahan kebudayaan la masa di Afrika Selatan.

**Solehah**

**Untung la jadi Pakcik Ramli maksudnya pergi melancong boleh di kata kan seluruh dunia lah kan. Setiap Negara yang Pakcik Ramli pergi tu memang pakcik Ramli buat persembahan la. Solo ke berkumpulan ke?**

**Tuan Haji Ramli**

Berkumpulan la. Tapi saya tu arr arr (berfikir) bila kita ke pergi luar Negara, dia tidak pilih orang yang atur cabang satu bidang saja pergi. Macam saya boleh ke sana saya main Gamelan, saya tak menari lah sebab ramai penari tu, saya main Gamelan saya menyanyi lagu rakyat Terengganu, menyanyi untuk solo. Tapi Alhamdulillah la bila kita buat persembahan di tempat tu memang sambutan tu memang luar biasa lah. Kita

tahu kan orang-orang luar negara kan, konsert-konsert, pop-pop, rock-rock, depa kan gila-gila dok (kan). Tapi bila kita buat, dia pun begitu jugak maknanya di punya sambutan dia memang hebat lah. Kita makna, bila kita lepas buat persembahan, kita nak balik pun susah nak balik, orang pegang, ambik gambar dulu, kita layan je lah hahaha (ketawa). Lagi pun kita pakai pakaian tradisional kita kan, bersampin bertanjak jadi diorang memang nak ambik buat kenangan benda tu

**Solehah** **Maksudnya Pakcik Ramli rasa, sambutan dekat Negara kita sendiri berbanding sambutan luar negara tu?**

**Tuan Haji Ramli** Dari segi tu saya rasa penerimaan macam orang Malaysia negara kita ni dia *appreciate* [Hargai] jugak kan. Tapi sebab dia faham budaya kita. Macam orang sana, dia tak faham budaya kita tapi dia suka cara kita itu. Tak ada perbezaan la.

**Solehah** **Dia nak tahu lah dok (kan)?**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Terima kasih lah Pakcik Ramli. Ok seterusnya kita nak pergi kepada pendapat-pendapat pakcik Ramli terhadap seni hiburan sekarang ni. Mula-mula saya nak tanya arr arr (berfikir) pada pendapat Pakcik sendiri la, kriteria yang perlu ada pada seorang penulis lagu dan seorang penyanyi untuk kita jadikan contoh kepada generasi yang akan datang, yang berminat lah.** |
| **Tuan Haji Ramli** | Kriteria arr arr (berfikir) petama, arr arr (berfikir) minat, minat yang betul-betul berminat arr arr (berfikir) minat, berbakat dan kesungguhan lah, kalau, benda ni kalau kita tak dok (tiada) bakat dok (kan), tak ada bakat buat tak jadi sebab seni ni dia tak boleh, tak boleh nak buat macam kita buat kuih dok (kan), arr arr (berfikir) buat kuih kita ambil buku kita tengok resepi kita terus buat. Benda ni tak boleh dok (kan) sebab dia adalah dari hati, daripada idea dok (kan), pemikiran kita arr arr (berfikir) tak sama, jadi saya kata tu arr arr (berfikir) hmm (berfikir) yang saya kata tadi tu lah, orang yang ada bakat, dia berminat. Pertama, minat, kalau dia berminat, dia |

boleh belajar jugak lah, boleh belajar. Macam penyanyi dok (kan), dia ada-ada kan, dia tak pandai, suara tak sedap tapi dia belajar masuk kelas kan, boleh nyanyi gitu (macamtu). Itu saya kata, minat yang perlu, dan benda ni jangan main-main la, bila kita minat satu benda tu, kita jangan sambil lewa.

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Maksudnya Pakcik pernah nampak contoh orang datang dekat pakcik, pakcik tengok dia ni mungkin, ada bakat la, boleh pergi jauh, pakcik boleh nampak la benda tu sepanjang pengalaman Pakcik Ramli la.** |
| **Tuan Haji Ramli** | Macam saya kata contohnya Faizal Ramli dok (kan), AF. Mula-mula dia masuk pertandingan arr arr (berfikir) karaoke kat sini je lah, kat dewan arr arr (berfikir). Saya tengok budak ni, budak ni bagus betul suara dia, ada bakat lepas tu saya mintak nombor telefon dengan penganjur tu, saya c*ontact* [ hubungi] dia terkejut gak (jugak), bakpe (kenapa) pakcik telefon, saya minat arr arr (berfikir) awak nak dok (tak) kalau saya |

nak t*raine* [latih] awak la jadi arr arr (berfikir). Nak dia kata nak, Okay. Pastu bermula situ lah saya mula mendekati dia. Sampai dia masuk AF pun saya yang gi (pergi), dia tak mari (datang) pun masa tu, saya pergi beratur berbaris ambil borang daftar, pastu saya telefon dia mari (datang). Pastu belajar. Saya minggu kerja pergi ke, pergi ke Astro, saya pun pergi hantar dia.

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Maksudnya sampai sekarang arr arr (berfikir) Faizal tu masih berhubung dengan Pakcik la?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Arr arr (berfikir) masih lagi lah. |
| **Solehah** | **Maksudnya dia ingat lagi Pakcik tu, jasa-jasa pakcik tu, maksudnya dia berterima kasih jugak la kepada pakcik kan? Okay. Pastu saya nak tanya, pendapat Pakcik terhadap perbezaan kualiti muzik yang dahulu dengan yang sekarang ni.** |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

**Tuan Haji Ramli**

Dulu arr arr (berfikir) dulu masa zaman saya mula-mula cebur (menceburi) tu, muzik itu maknanya tidak canggih la macam sekarang dok (kan) , tapi arr arr (berfikir) *original* [asli], tapi walaupun muzik canggih, saya rasa arr arr (berfikir) dari segi kualiti rasa, dulu lagi bagus sebab dia punya muzik tu , apa yang dihasil tu kan arr arr (berfikir) jujur, arr arr (berfikir) jujur muzik masa tu. Sekarang ni dah tokok-tambah, suara tak sedap boleh baiki, muzik suara sumbang pun boleh baiki.

**Solehah**

**Maksudnya kualiti sekarang ni, nak kata berkualiti tu, kurang kualiti?**

**Tuan Haji Ramli**

Tapi dari segi tu senang sebab sekarang ni zaman berubah, benda gitu (seperti itu) pun jadi gitu (senang). Tapi kalau dah awak tanya saya dari segi kualiti, saya kata dulu lebih, walaupun tidak ada dibantu oleh mesin dari segi nyanyian ke, apa ke. Tapi penghasilan tu jujur. Dan awak sendiri pun pandang kan macam lagu-lagu klasik radio duk siar (yang disiar), masa tahun 50 an 60 an tapi manusia sekarang, maknanya, faham dok (kan), ada orang minat lagi.

| | |
|---|---|
| | Sebab tu saya kata benda tu sebab yang *original* [asli] ni dengan palsu ni arr arr (berfikir), tak kekal kan. Yang *original* [asli] walaupun tak comel tapi kekal arr arr (berfikir) itu saya kata. |
| **Solehah** | **Macam lagu-lagu sekarang, tengok lagu yang baru, banyak lagu baru. Maksudnya macam membanjiri dah industri-industri muzik ni, dia nyanyi sekejap lepastu dia hilang macam tu ja. Maksudnya lagu lama ni walapun dia la tapi orang ingat.** |
| **Tuan Haji Ramli** | Contohnya macam Saloma P.Ramlee, dia tidak ada kelas vokal masa tu, tapi itulah hasil arr arr (berfikir) maknanya yang *original* [asli] orang boleh terima sampai hari ni, kebanyakan lagu P.Ramlee tu kan. |
| **Solehah** | **Okay saya nak tanya jugak, pada pendapat pandangan Pak Cik Ramli ni, macam mana industri muzik kita dekat Malaysia ni pada masyarakat akan datang. Maksudnya, macam mana kita nak perkenalkan lagu tradisi tu pada masyarakat yang akan datang? Mungkin** |

**pada cucu-cucu Pak Cik Ramli sendiri kan, contohnya yang kecik-kecik ni terdedah dengan lagu-lagu Aiman Tino lagu-lagu baru jadi lagu tradisi ni macam senyap je, macam mana cara dia?**

**Tuan Haji Ramli**

Tu saya kata arr arr (berfikir) macam pihak RTM dok (kan), RTM , pejabat Kebudayaan pelancongan apa pernah buat kan benda-benda gini (seperti ini) tapi tidak arr arr (berfikir) luas dok (kan), meluas. Ada buat pertandingan untuk lagu asli, lagu rakyat negeri, tapi tidak meluas dan tidak bersungguh. Jadi benda tu jadi macam orang pun , masa dua tiga tahun buat sekali , jadi habis tu habis kan, tapi arr arr (berfikir) macam hok (yang) benda yang moden-moden ni hari-hari didedahkan , tu saya kata, media massa pun patutnya dedahkan benda-benda ni biar seimbang, biar seimbang dok (kan), moden dan tradisi. Arr arr (berfikir) jadi baru benda tu jadi hok (yang) macam orang tahu sama seimbang tahu. Macam saya sokong macam Johor kan, Johor dia ada kelas lagu arr arr (berfikir) lagu Ghazal Asli sebab

kebanyakan penyanyi-penyanyi Malaysia ni yang hebar-hebat semua dari Johor sebab dia ada, dia ada kelas, Lagu Asli, Lagu Ghazal, tarian macam Zapin kan, jadi orang tahu. Sepatutnya negeri lain patut contoh la

**Solehah** **Arr arr (berfikir), saya nak tanya jugak pendapat pakcik kan sekarang kan kita tengok banyak apa tu rancangan-rancangan dekat tv (televisyen), rancangan nyanyian, maksudnya, pakcik tengok apa pendapat pakcik tentang rancangan tu?**

**Tuan Haji Ramli** Arr arr (berfikir) yelah dari segi macam kalau anak sertai nyanyian. Tapi saya rasa macam sekarang ni dah jadi lambakan, lambakan arr arr (berfikir) pertandingan gitu jadi, sayang hasil apa ni bakat-bakat diaorang tu habis *time* [masa] dia habis, hilang gitu (macam itu) ja, jadi tidak, tidak boleh nak dijadikan evergreen ke apa dok macam zaman Jamal Abdillah dulu-dulu kan, so masa dulu kan tanding lama-lama, bila produk dia keluar tu kan dia punya, Ramlah Ram ape, Sharifah Aini yang sekarang ni beribu-ribu, tapi habis-habis

gitu ja habis orang tak kenal dah siapa. Bila orang tanya nama pun kita lupa dah. Maknanya benda yang ori (asli) dengan benda yang itu lah.

**Solehah** — **Maksudnya orang maksudnya rancangan tv (televisyen) tu hiburan tu lebih kepada maksudnya dia nak lebih kepada keuntungan.**

**Solehah** — **Seterusnya, kalau lah pakcik diberikan peluang, apakah tindakan yang pakcik akan ambil untuk memartabatkan lagu-lagu tradisi e*specially* [terutama] lagu tradisi Terengganu.**

**Tuan Haji Ramli** — Kalau diberi peluang, saya kalau diberi peluang saya nak, saya akan buat arr arr (berfikir), saya akan buat bengkel setiap maknanya dua kali setahun ke tiga kali setahun ke buat bengkel untuk lagu-lagu tradisi lagu rakyat Terengganu. Arr arr (berfikir) dan kalau boleh biar dia meluas di pusat-pusat pengajian tinggi, sekolah-sekolah biar benda tu daripada bawah, belajar ada kelas, buat tiga hari ke dan dedahkan benda ni seluas-luasnya, itu harap

kalau boleh saya benda-benda gitu (seperti itu) lah, dan saya akan, kalau diberi, saya akan buat pertandingan kerap-kerap kali.

**Solehah** — **Pernah tak pak cik arr arr (berfikir) Pakcik Ramli suarakan pendapat pakcik ni ke pihat atasan la maksudnya yang orang kata boleh bawak benda ni ke tengah la?**

**Tuan Haji Ramli** — Tu saya kata tadi macam banyak jugak la tapi, tu la kata macam tak dak nampak lagi lah. Tapi ni yang baru ni ada jugak tapi tak tahu lagi sejauh mana tengok dulu lah, ha ha ha (ketawa).

**Solehah** — **Tapi pakcik tak meletakkan harapan yang tinggi la?**

**Tuan Haji Ramli** — Tak la, benda tu habis dah, jadi sekadar tu je lah, kalau jadi, jadilah, tak jadi, tak jadi lah. Kalau dulu-dulu saya pernah maknanya, ada orang tanya macam awak tanya lah tapi dekat pusat pengajian tinggi la, saya pernah menangis depan dia, selalu bukan saya menangis pun, bila jadi emosional je macam janji dok (tak) ditepati.

Saya kata saya nak tengok, saya tak nak saya tak nak lagi dah bila saya mati baru nak bagi tak ada guna lagi saya kata, dekat muzium hari tu, bukan nangis yang di buat-buat, memang benda tu mari (datang) sendiri.

**Solehah** — **Rasa sebak dok (kan)? *So* [jadi], apa nasihat pakcik, nasihat peribadi pakcik Ramli ni jika ada anak-anak muda sekarang ni yang nak menceburkan diri dalam bidang penulisan lagu, arr arr (berfikir) dan macam nyanyian dalam bidang lagu tradisi lah sebab kita tahu lagu-lagu tradisi ni kurang mendapat perhatian daripada di mata masyarakat sekarang lah?**

**Tuan Haji Ramli** — Susah jugak saya nak jawab benda ni sebab arr arr (berfikir), zaman sekarang ni kan arr arr (berfikir) aliran dunia ni tak banyak orang berminat jadi nak tarik benda tu kena kena buat satu tu jugak la, pendedahan. Jadi kita kena tanam dulu minat dulu dioarang tu, tarik benda ni baru betul. Kalau tak tanam jadi kita biar gitu ibaratnya nak tarik mari (datang) gitu (seperti itu) payoh

(susah), patut dulu peringkat-peringkat sekolah lagi dah buat benda ni, baru dia ada asas daripada sekolah.

**Solehah** **Arr arr (berfikir) Pakcik Ramli ada tak maksudnya orang kata apa, nak sarankan kat cucu-cucu Pakcik Ramli ke nak ikut jejak langkah Pakcik Ramli sebab anak-anak Pakcik Ramli ada seorang dua yang ikut kan. Maksudnya cucu pakcik Ramli pulak?**

**Tuan Haji Ramli** Cucu arr arr (berfikir), tapi yang sorang cucu sulung saya tu memang nampak ada bakat la, maknanya bila dia menyanyi karoake pun dok (kan), baru darjah dua tapi dia pandai menguasai teknik-teknik tu walaupun susah, tapi dia ada teknik nyanyi dah bila di tempat tinggi, dia tahu macam mana nak buat suaranya, tidak sumbang , tidak *out tempo* [nada yang salah].

**Solehah** **Tu bila dia duduk depan Pakcik dia nyanyi ke? Maksudnya pakcik dedahkan ke kepada cucu-cucu pakcik lagu pakcik?**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | |
|---|---|
| **Tuan Haji Ramli** | Dia sendiri doh (dah) duk (yang) nyanyi. Akhir-akhir ni saya banyak buat konsert kan, hari dekat di KKN konsert Aspriasi Gamelan, peringkat pantai timur tu, jadi saya beli tiket masa tu. Jadi salah seorang nyanyi situ arr arr (berfikir) dia berdiri tengok kan sampai dia minat dia sendiri yan menyanyi. Pastu masa pelancaran Beautiful Terengganu tu saya menyanyi jugak, dia pergi tengok jugak, dia rakam dan budak-budak masuk dalam youtube tu jadi, dia hari-hari duk tengok dalam tu duk nyanyi |
| **Solehah** | **Maksudnya, pakcik cerita, kan isteri pakcik pun dikira seperti saya kata tadi, orang seni jugak la kan, pernah tak pakcik buat persembahan dengan isteri pakcik?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Tak pernah. Hahaha (ketawa) tak ada lagi la setakat ni.Tapi masa saya bergiat dengan sutera dulu, dia memang ikut saya sokmo (selalu), dan anak-anak saya selalu ikut pergi ke serata tanah air ni la di Malaysia ni, ikut saya selalu la, anak cucu cuti sekolah kita bawak |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Maksudnya pakcik memang tak sekat lansung lah keluarga pakcik ni. Pastu pakcik sebagai orang lama, apakah nasihat pakcik Ramli kepada artis yang baru sekarang ni, maksudnya yang baru naik?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Arr arr (berfikir) macam kalau, kita kan penanyi baru kan, kena rajin la maknanya buat *homework* [latihan)], kalau bakat ada dah, kena rajin la dok (kan), kena belajar dengar lagu lama-lama yang orang lama-lama nyanyi, dalam album tu kan, kena belajar teknik diaorang nyanyi tu macam mana, Maknanya kita kena rajin baru dapat menambah ilmu. |
| **Solehah** | **Maksudnya dia sendiri kena ada usaha la?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Haaa (setuju). Bukan setakat ada bakat saja dok (kan), kena berusaha. |
| **Solehah** | **Macam Pakcik Ramli kan, pendapat pakcik, apakah ciri-ciri seorang artis tu** |

| | |
|---|---|
| | **untuk dia bertahan lama dalam bidang industri muzik tanah air ini?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Arr arr berfikir) untuk bertahan lama kalau, dia kena sungguh-sungguh macam saya kata tadi, kena sunguh-sunguh, jangan berhenti, rajin maknanya kalau ada orang buat pertandingan, masuk dan jangan berhenti, belajar sampai mantapkan diri sendiri, Macam saya dulu, saya pun tak belajar jugak, maknanya benda tu mari (datang) sendiri, biar benda tu jadi kerap, macam saya, bila kita rajin benda tu mari (datang) sendiri. |
| **Solehah** | ***So* [jadi], sampai sekarang ni, Pakcik pernah tak dapat tawaran untuk menjadi juri-juri?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Arr arr (berfikir) banyak kali lah. |
| **Solehah** | **Sampai sekarang la? *So* [jadi], sekarang pakcik Ramli *busy* (sibuk) dengan RTM untuk apa?** |
| **Tuan Haji Ramli** | RTM sutera, banyak panggil saya lah. |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Pakcik ada hasilkan lagu baru la? Apa tajuk lagu baru yang pakcik buat ni?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Arr arr (berfikir) hok (yang) mana tahu selepas pertukaran daripada RTM pergi ke tu Arr arr (berfikir) saya *start* [mula] balik lagu , okay saya bermula balik pada lagu pertama yang saya cipta, Bukan lirik, lagu. Lirik dan lagu. Lirik dari tahun 74 lagi. *Start* [mula] lagu saya cipta pertama tahun 75 arr arr (berfikir) satu. 76 dua, masa tu baru berjinak-jinak baru belajar buat lagu. Tahun 77 dua, 79 satu 88 ada dua, pastu tahun 2004 arr arr (berfikir) satu, 2014 ada empat, arr arr (berfikir) 2015 ada enam pastu 2016 ada empat, pastu 2017 ada arr arr (berfikir) satu. Jadi kiranya ada 38 lagu. |
| **Solehah** | **Boleh tak pakcik Ramli arr arr (berfikir) bagi salah satu nama lagu baru pakcik Ramli tu?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Lagu baru arr arr (berfikir) yang terbaru dirakamkan arr arr (berfikir) bulan lepas, Si Burung Murai, arr arr (berfikir) Ogos, pastu Januari lagu Madah Berkias arr arr |

(berfikir) Dunia Leni (Sekarang), tajuk lag tu saya buat loghat Terengganu, Seloka Pulut Nyior, arr arr befikir), Aku Anok Mok , sebab saya cerita diri saya sendiri sebab saya anak bongsu kan, memang saya anak mak dulu, anak manja kan, jadi saya buat lagu Aku Anok Mok, saya *design* (cipta) sendiri la

**Solehah** — **Seterusnya saya nak tanya, mungkin soalan ni bagi pakcik Ramli sensitif sikit kot. Sepanjang Pakcik Ramli buat penghasilan lagu ni, menyanyi, ada dok (tak) pakcik Ramli mendapat sebarang royalti daripada penghasilan lagu-lagu tradisi di Terangganu ni?**

**Tuan Haji Ramli** — Hmmm (berfikir) Itulah. Saya rasa kecewa jugak la. Sedih dan kecewa. Maknanya lagu-lagu kita ni, orang guna sewenang-wenangnya lagu kita ni, sekarang seluruh dunia dengar lagu-lagu kita ni, macam komposer-komposer di KL (Kuala Lumpur) tu. Tapi, sebab lagu-lagu kita tidak *register* [berdaftar] dengan persatuan Hakcipta, jadi, kita tak boleh nak halang orang ambil lagu

kita, macam kita ibarat tak faham jadi sewenang-wenang orang boleh ambil lagu kita. Jadi dia nak bayar ikut mana sebab kita tak boleh mengaku hak kita sedangkan orang menceroboh hak kita. Jadi bila orang lain ambil lagu tu, macam dia pulak yang buat lagu tu. Itulah sedihnya

**Solehah** — **Jadi Pakcik Ramli rasa tak adil lah kan?**

**Tuan Haji Ramli** — Kerajaan Terengganu sendiri pun, macam Terengganu pun macam muzuim ke kelab kebudayaan ke, dia tidak pandang berat, ambil berat. Saya masa tu rasa kecewa lah. Tapi sebab perjuangan seni kita ni, maknanya jujur, kita berkarya jugak biarpun tidak dapat arr arr (berfikir) tu arr arr (berfikir) apa kata orang tu, sepatutnya badan yang ada kaitan tu dia ambik berat lagu kita hak kita walaupun saya buat, tapi bila kita *register* [berdaftar] jadi hak rakyat Terengganu. Tapi sekarang ni ada jugak la, baru sekarang ada nampak penghargaan, anugerah dok (kan). Macam saya digelar Tokoh Pendukung Seni Terengganu tahun 2015. Macam sekarang ni ada lain jugak la macam, Pejabat Pelancongan Terengganu

| | |
|---|---|
| | arr arr (berfikir) di bawah SUK jugak la, tak putus-putus undang saya, macam saya cakap tadi lah, jadi panel ke, moderator ke *speaker* [jurucakap] ke, jadi tu beri pendedahan kepada anak-anak seni la. |
| **Solehah** | **Maksudnya sepanjang karier pakcik Ramli tu memang tak pernah dapat sebarang imbuhan la?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Ada, tidak dinafikan. Masa saya kerja di Jabatan Kesenian Kebudayaan SUK tu, sutera, ada imbuhan tapi maknanya difikir balik, tidak berbaloi tapi kerana minat kita tak pandang benda tu dan saya dan geng-geng (kawan-kawan) saya maknanya masa zaman 70'an 80'an tu kakak-kakak seangkatan dengan saya pun sama tidak pandang arr arr (berfikir) benda-benda tu maknanya tenntang bayaran tu, kerana seni minat hok (yang) tu memang tu perjuangan seni sungguh la, geng-geng (kawan-kawan) saya tu diantara mereka Selamat Sulaiman, Awang Latip, Encik Jamaludin Taha, Ramli Muda, Zarif Ismail tu kan, dia berjuang untuk seni sungguh la. Ada imbuhan tapi nak dikirakan tak berbaloi tapi kita tak |

pandang benda tu.

**Solehah**

**Sepanjang tu jugak, Pakcik Ramli pernah tak macam Pakcik Ramli kata orang gunakan lagu Pakcik Ramli sewenang-wenangnya, ada tak Pak cik Ramli cari usaha untuk jadikan lagu-lagu pakcik Ramli tu memang hak pakcik Ramli sendiri?**

**Tuan Haji Ramli**

Ada, beberapa kali badan-badan berkenaan berjanji dengan saya tapi janji tinggal janji. Itulah saya sedih. Unisza sendiri, muzium sendir arr arr (berfikir) ada la jugak dua tiga lagi tu janji. Memang ada buat tapi setakat ni tak nampak lagi, tak tahu la di mana, di awang-awangan, tak nampak ada kesan lagipun. Memang sampai hari ni saya berharap dan mengharap.

**Solehah**

**Ok pakcik Ramli, boleh dok (tak) pakcik Ramli sebut sedikit tentang anugerah – anugerah yang pakcik Ramli terima sebelum dan selepas dianugerahkan anugerah tokoh ni?**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | |
|---|---|
| **Tuan Haji Ramli** | Saya dari segi anugerah tentang kesenian tak banyak mana sebab masa saya kerja, mutu saya kerja masa saya kerja di Pejabat Belia dan sukan ka, saya dianugerahkan pingat arr arr (berfikir) perkhidmatan cemerlang, APC oleh Kementerian Belia dan Sukan, dua kali saya dapat, tahun1978 dan 2003 pastu saya dapat anugerah dari Sultan Terengganu masa tu Sultan Mahmud, Duli Yang Maha Mulia Sultan Mahmud, saya dapat anugerah Pingat Lama Berjawatan PLB tahun arr arr (berfikir) *sorry* (maaf) masa tu Sultan Mizan dah, maaf, Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin tahun 2004. Pastu tahun 2012 saya mendapat anugerah Tokoh Sejarah Lisan, budaya la budaya lisan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu. Arr arr (berfikir) pastu yang terbaru tahun 2015 la, Tokoh Pendukung Seni Terengganu oleh Jabatan Kesenian Terengganu. Saya mintak badan-badan yang berwajib yang ada kaitan, pandanglah dan nilai lah hasil kreativiti saya kesenian saya. Kebanyakan sekarang kan guna kita hari ni, bila dah takda baru nak kenang nak beri gelaran tapi |

arr arr (berfikir) alangkah baiknya kalau diberikan masa orang tu hidup. Tu lah harapan, jangan lah kita dah tak ada baru nak kenang, walaupun anak cucu kita tahu tapi kita sendiri tidak ada apa lagi dok (kan)?

**Solehah** **Saya percaya itulah satu pengalaman yang pakcik rasa pengalaman pahit pakcik sebab berkaitan imbuhan royalti ni lah kan sebab orang guna lagu pakcik macam sewenang-wenangnya lah. Selama Pakcik bergelar tokoh seni boleh tak pakcik ceritakan tentang pengalaman pakcik tak kisah lah pengalaman pahit ke manis ke macam pakcik cerita tadi, pergi ke luar negara tapi selain daripada tu ada tak kenangan yang pakcik rasa pakcik tak boleh lupa sampai ke hari ni?**

**Tuan Haji Ramli** Kenangan kita dalam seni ni dok (kan), maknanya pahit manis dok (kan), tapi kira banyak manis sebab kita dalam kebudayaan kesenian ni banyak manis tapi pahit tu ada sikit-sikit la tapi yang pahit tu kita telan jelah hahaha (ketawa) kita kena tak boleh

sensitif sangat dok (kan), kalau kita sensitif, dok (tak) bergerak la tak hidup seni tu. Jadi memang ada, dunia hari ni, takkan tak ada, memang ada. Macam saya kata tadi lah, macam royalti tu jauh sekali nak dapat, tapi kita tak salahkan benda tu sebab kita tidak didaftarkan lagu kita tu jadi nak buat apa dah. Jadi saya mintak, badan yang berkaitan ni, arr arr (berfikir) apa kata orang, tolonglah, maknanya hidupkan benda-benda gini (seperti ini) dok (kan).

**Solehah**

**Maknanya, macam mana Pakcik mengharungi, maksudnya, macam mana pakcik berhadapan dengan kenangan-kenangan pahit tu mungkin isteri pakcik banyak lah saya percaya, bagi apa tu, sokongan, dorongan kepada pakcik?**

**Tuan Haji Ramli**

Arr arr (berfikir) kalau isteri tu, keluarga kan, kadang-kadang diaorang pun ada jugak kan naik *fed up* [menyampah], dia macam nak suruh kita *break* (berhenti) dok (kan) tapi yelah arr arr (berfikir) anak-anak sendiri pun isteri pun bila dah *time* [masa] rasa terdesak sangat tu. Manusia kan, kita pun manusia tapi saya tidak kata orang,

tidak ambil tu sangat la benda tu jadi lama-lama jadi yang tak biasa jadi biasa. Kalau saya kecewa patah semangat ikut kecewa tu maknanya saya tidak ada sampai ke hari ni, maknanya dalam seni nil ah. Dan sampai ke hari ni saya masih berkarya lagu-lagu baru saya banyak sebab saya buat dengan RTM Terengganu kan ada program, jadi saya cipta lagu untuk bakat-bakat baru, jadi saya pilih la. Saya mintak maaf la hal ini memang saya cerewet sikit la dari segi pemilihan penyanyi bagi menyanyi hasil karya saya. Saya cerewet. Saya tak mahu benda ni akan jadi, kita macam hasil karya kita tu kita tidak puas haa (setuju) dok (kan). Tapi bila orang nyanyi lagu saya tu nak kata puas 100 peratus tu dok (tak) jugak, maknanya 80 peratus pun takpa dah. Sebab tu kadang-kadang saya cipta saya menyanyi sendiri, ada kepuasan kita, sebab kadang-kadang tu tidak sampai apa yang kita nak tu dok (kan) tapi maknanya kita pun tak paksa jugak sebab dia bakat baru jugak kan. Dia jiwa seni tak sama macam kita, dia tak mendalam kan, tak macam saya ni dah sebati, sebati kan.Jadi bila kita buka mulut tu, apa kata orang, *feeling*

[perasaan] tu ada terus dalam badan kita.

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Pernah tak pakcik sepanjang buat lagu tu, pakcik rasa nak *stop* [berhenti] mungkin pernah terdetik hati pakcik sekali la, maksudnya aku kena berhenti sekarang.** |
| **Tuan Haji Ramli** | Hahaha (ketawa) ada, ada jugak la .Ada satu masa tu saya berhenti 2 tahun, 2 tahun saya tidak bila orang menjemput saya untuk menyanyi lagu-lagu rakyat untuk *VIP* [orang penting] kan, saya kata saya nak bersara dah, tak mau, memang saya tolak 2 tahun. Pastu tiba-tiba ada satu saat tu satu masa tu saya terbuka balik, ada sebab-sebab jugak la, ada orang yang Alhamdulillah la sekarang ni orang yang ada, pegawai yang berkenaan la dalam bidang ni jadi dia memang-memang benar-benar minat seni, arr arr (berfikir) sekarang ni dia Pengarah Pelancongan Terengganu arr arr (berfikir) Encik Ahmad Faisal B Abdul Razak, dia ni memang benar-benar minat seni.Jadi kerana dia tu beri semangat saya balik. |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Kalau pakcik tak keberatan boleh tak pakcik cerita sebab Pakcik macam orang kata, merajuk kejap lah selama 2 tahun tu?** |
| **Tuan Haji Ramli** | Macam saya kata tadi la, merajuk bila ada orang berjanji nak, nak arr arr (berfikir) rekodkan hasil karya saya, nak, nak daftarkan lagu-lagu hasil ciptaan saya ni dengan hakcipta. Masa tu bukan main semangat lagi kita masa tu, Ya Allah Ya Tuhanku, mintak-mintak jadi la tapi senyap. Ada la badan-badan lain mari macam tu jugak, senyap. Jadi sekarang ni bila ada orang tanya saya *no, no* [tidak]. Ada hari tu daripada mana mari, cikgu duk KL (Kuala Lumpur), orang Terengganu tu dia mari jumpa saya. Saya minta maaf saya dah tawar hati, saya tak mau tapi saya takpa saya cuba jugak. Sama ja. Maknanya setakat ni sama ja tak dak lagi tak hasil lagi tak tahu lah.Tapi harapan saya Insha-Allah, arr arr (berfikir) dengan pentadbiran baru-baru ni kot jadi kenyataan. Saya mintak hasil karya saya biar direkodkan di albumkan. Bukan untuk saya jugak, tapi untuk generasi akan datang jugak untuk |

anak seni kita, untuk kerajaan kita dok (kan). Tapi kadang-kadang anak saya pun, anak saya yang lelaki tu, bongsu tu bila ada orang kata janji nak buat album, tetap tak menjadi jugak. Saya nak, bukan saya tak nak, saya nak, tapi saya takut dah bila jadi macam satu pembohongan, satu penipuan pada saya, saya rasa. Janji tinggal janji-janji kosong. Padahal benda ni dok akan jadi khazanah. Bakpe diaorang sanggup buat gitu pada saya.

| | |
|---|---|
| **Solehah** | **Ok Pakcik Ramli terima kasih banyak-banyak kerana sudi luangkan masa dengan kami dan saya harap PakCik Ramli kalau ada apa-apa yang saya tak jelas ke saya boleh *call* [hubungi] Pakcik Ramli ke, ataupun kalau Pakcik Ramli *free* [lapang], kita boleh jumpa lagi lah sementara saya masih di sini Insha Allah.** |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

# RALAT

NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH
MOHD FARHAN BIN AZIZAN

## 6.0 RALAT

Sepanjang temubual ini dijalankan, kami menghadapi sedikit gangguan seperti:

1. Bunyi Pintu
2. Bunyi orang memberi salam
3. Bunyi tapak kaki berjalan
4. Bunyi Radio

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

# LOG TEMUBUAL

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

## 7.0 LOG TEMUBUAL

| MASA | PERKARA | ISI |
|---|---|---|
| TAKE 1<br>0:46 | LATAR BELAKANG / BIODATA<br>Tarikh dan tempat lahir beliau<br>Taraf perkahwinan<br>Bilangan anak<br>Pekerjaan<br>Sekolah | Haji Ramli Bin Ibrahim<br>Dilahirkan di Kampung Pasir Panjang pada 11 bulan 9 19491<br>Berkahwin<br>3 orang anak dan 3 orang menantu<br>Bekas pesara di Pejabat Kebudayaan Belia Dan Sukan<br>Sekolah Kebangsaan Pasir Panjang<br>Sekolah Kebangsaan Bukit Besi<br>Sekolah Kebangsaan Pusat Bukit Besar<br>Sekolah Menengah Tengku Bayah |
| 3:20 | PERASAAN APABILA MENDAPAT GELARAN TOKOH PENDOKONG SENI TRENGGANU | Bangga kerana tidak menyangkakan perjuangan seni mendapat penganugerahan. |
| TAKE 2<br>0.27 | SEJARAH PENDIDIKAN<br>Sekolah Kebangsaan Pasir Panjang<br>Sekolah Kebangsaan Bukit Besi<br>Sekolah Kebangsaan Pusat Bukit Besar | Menyertai Qoir dan nyannyian di sekolah. Detik-detik lahirnya kecintaan terhadap keseniaan. |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | | |
|---|---|---|
| | Sekolah Menengah Tengku Bayah | |
| 0:30 | CITA-CITA DARI KECIL | Tidak mempunyai cit-cita dari kecil. Minat dipupuk semasa bekerja di Pejabat Kebudayaan Belia dan Sukan dan terdedah kepada kesenian. Mula berminat dari situ.<br>Sedar boleh menyanyi dan mula menghasilkan lirik lagu. |
| 6:33 | PRINSIP HIDUP | Tidak mempunyai prisnsip hidup. Lakukan sesuatu yang disukai sahaja. |
| 7:00 | IDOLA<br>Menpunyai idola yang sama sejak dari kecil | Menggemari Kadijah Awang dari Kelantan yang mendapat gelaran Primadona Makyong dan di Terengganu Wan Samat Sulaiman, yang merupakan penyanyi Ulek Mayang. |
| | | |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | | |
|---|---|---|
| TAKE 3<br>0:26 | PERTANDINGAN YANG DISERTAI SEPANJANG PENGLIBATAN DALAM BIDANG SENI<br><br>Banyak menyertai pertandingan nyanyian semasa zaman remaja. | Banyak mendapat juara di dalam pertandingan nyanyian antarannya juara A. R Azmi, Pertandingan P.Ramlee. |
| TAKE 4<br>0:20 | LAGU YANG PERNAH DIHASILKAN<br>38 buah lagu dan 65 buah lirik | Watimang landak, anak udang dan itik gembo-gembo antara lagu yang menjadi bualan di bibir-bibir orang. |
| 4:05 | NEGARA YANG PERNAH DIKUNJUNGI SEPANJANG BERGIAT AKTIF DALAM BIDANG SENI<br><br>Seluruh Malaysia<br>Indonesia<br>Thailand<br>Singapura<br>Hong Kong<br>Frankfurt | Persembahan mendapat sambutan luar biasa terutama dari luar negara. |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | | |
|---|---|---|
| | Paris<br>London<br>Amsterdam<br>Milan<br>Zurich<br>Afrika Selatan | |
| TAKE 5<br>0:23 | PENDAPAT TENTANG SENI HIBURAN SEKARANG<br><br>Kriteria yang perlu ada pada seseorang individu mestilah berbakat dan mempunyai kesungguhan. | Muzik pada zaman dahulu tidak secanggih zaman sekarang namun berkualiti dan original. |
| 5:13 | TINDAKAN YANG AKAN DILAKUKAN SEKIRANNYA DIBERI PELUANG MEMARTABATKAN LAGU-LAGU TRADISI | Membuat bengkel untuk lagu-lagu tradisi.<br>Mendedahkan tentang lagu seni lagu tradisi dari peringkat sekolah lagi. |
| TAKE 7<br>0:19 | PENGALAMAN PAHIT SEPANJANG MELIBATKAN DIRI DALAM BIDANG SENI | Tidak mendapat royalty dan imbuhan yang setimpal di atas penat lelah dan usaha. |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

# DIARI PENYELIDIKAN

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

## 8.0 DIARI PENYELIDIKAN

| NO | TARIKH | PERKARA |
|---|---|---|
| 1. | 14 MAC 2017 | Pengenalan kepada subjek sejarah lisan |
| 2. | 20 MAC 2017 | Cari tajuk untuk sejarah lisan |
| 3. | 10 APRIL 2017 | Bincang tajuk untuk sejarah lisan<br>- Tokoh Seni Perlis<br>- Tokoh Bangsawan<br>- Veteran bolasepak Kedah |
| 4. | 15 APRIL 2017 | Perbincangan tajuk baru untuk sejarah lisan<br>- Tokoh Pendukung Seni Terengganu |
| 5. | 16 APRIL 2017 | Pensyarah menyarakan untuk pemilihan muktamad Tokoh Pendokong Seni Terengganu. |
| 6. | 17 APRIL 2017 | Membuat panggilan telefon untuk bertanyakan tarikh yang sesuai untuk menemuramah |
| 7. | 20 APRIL 2017 | Mencetak surat kebenaran untuk menemuramah |
| 8. | 26 APRIL 2017 | Berbincang bersama ahli untuk bagaimana cara menumu ramah tokoh |
| 9. | 28 APRIL2017 | Menjana soalan untuk temubual |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

| | | |
|---|---|---|
| 10. | 20 MEI 2017 | Menyemak soalan temuramah dengan pensyarah |
| 11. | 27 MEI 2017 | Temubual bersama Tuan Haji Ramli, Tokoh Pendukung Seni Terengganu. |
| 12. | 29 MEI 2017 | Proses mendokumentasikan transkrip temubual bersama Tuan Haji Ramli, Tokoh Pendukung Seni Terengganu. |
| 13. | 1 JUN 2017<br>2 JUN 2017<br>4 JUN 2017<br>27 JUN 2017 | Menghubungi Tokoh untuk bertanyakan soalan yang tidak pasti |
| 14. | 28 JUN 2017 | Perjumpaan kedua secara ringkas bersama Tuan Haji Ramli, Tokoh Pendukung Seni Terengganu. |
| 15. | 11 JULAI 2017 | Tarikh penghantaran transkrip |

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

# INDEKS

## 9.0 INDEKS

# A

Anok udang, 43

Anok burung Baniong, 45

Afrika Selatan, 46

# D

Dato Suhaimi Mat Zin, 39

# E

Eropah, 46

# G

Gamelan, 47

# H

Hulu Terengganu, 30, 37

Hong Kong, 45

# I

Itik Gembo-Gembo, 43, 44, 45

Indonesia, 45

# K

Kampung Pasir Panjang, 21

Kuala Terengganu, 32, 34,35,39,41

Kelantan, 32

# L

Lirik lagu, 35, 36, 42

# M

Makyong, 32

Muzik, 36,51,52,53

Malaysia, 36, 45, 53

# P

Pencipta lagu, 34,27,28,48

Penulis lagu lihat Pencipta lagu

Pak Ngah, 39

# R

Ramli IB, 20

# S

Singapura, 45

Sabah, 45

Sarawak, 45

# T

Thailand, 45

Tokoh Pendukung Seni Terengganu, 23, 20, 21

Tokoh Seni lihat Tokoh Pendukung Seni Terengganu

# W

Watimang Landak, 43, 44

Wan Samat Sulaiman, 32

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH
MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

# RUJUKAN

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

## 10.0 RUJUKAN

NorAdila Mahamad. (2015, November 11). Martabat semula seni Terengganu. *Sinar Harian,* p. 13.

NorHafiza Musa. (2007, March 10). Ramli sinonim lagu daerah. *Sinar Harian*, p. 11.

NorHafiza Musa. (2010, August 3). Pencipta Anok Itik Tok Wi Kongsi Ilmu. *Sinar Harian,* p. 21.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

# LAMPIRAN

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

## 11.0 LAMPIRAN



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**



bintang @sinar

KLIK

T20

## Ramli sinonim Lagu daerah

*Tamat sekolah menengah terus aktif dengan Badan Kebudayaan Negeri Terengganu sebagai penari. Di sinilah bakatnya terus berkembang dengan bermain muzik gamelan.*



TERENGGANU

## Martabat semula seni Terengganu



TERENGGANU

## Aktiviti pelancongan di pulau peranginan ditutup

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**


Pencipta 'Anak Itik Tok Wik' hasrat kongsi ilmu


Gabungan lama, baru meriahkan festival gamelan


Falah janji persembahan terbaik

Sandar harapan tinggi wakili negeri peringkat Zon Timur menerusi pertandingan Bintang P.Ramlee


SaGa UniSZA perintis persahabatan seni gamelan Terengganu

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**
**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**








**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

**SENARAI SOALAN**

1. Bismilahirahmanirahim. Assalamualaikum w.b.t. Hari ni 27 haribulan hari sabtu kami bersama seorang tokoh seni Kuala Terengganu, Encik Ramli. Sebelum kami mulakantemuabual ini, terima kasih kepada Encik Ramli kerana sudi ditemuramah oleh kami. Apa khabar Encik Ramli?Bolehkah tuan/encik menceritakan serba sedikit tentang latar belakang encik?
2. Apakah perasaan Pak Ramli bila dapat gelaran Tokoh Pendokong Seni Terengganu ni?
3. Adakah Pak Ramli selesa bercakap Terengganu supaya kita rasa lebih dekat? Dan Boleh Pak Ramli ceritakan sedikit tentang sejarah pendidikan Pak Ramli?
4. Adakah Pak Ramli selesa bercakap Terengganu supaya kita rasa lebih dekat?
5. Boleh Pak Ramli ceritakan sedikit tentang sejarah pendidikan Pak Ramli?
6. Adakah dari zaman sekolah memang Pak Ramli menggemari subjek yang berkaitan seni-seni seperti muzik ini?
7. Adakah Pak Ramli bergiat cergas jugak dalam sukan selain seni dan muzik?
8. Adakah rasa suka terhadap muzik datang daripada keluarga Pak Ramli sendiri ?
9. Adakah selepas tamat persekolahan, Pak Ramli terus bergiat aktif dalam bidang ini?
10. Macam mana Pak Ramli bahagikan antara kerja dengan keluarga ?
11. Adakah isteri, menyokong Pakcik Ramli ?
12. Adakah diantara anak Pak Rmli ada yang ikut jejak langkah Pak Ramli ?
13. Adakah anak Pak Ramli ada meminta pandangan, tentang perkara mengenai seni muzik ini?
14. Apakah prinsip hidup Pak Ramli?
15. Siapakah Pak Ramli letakkan sebagai idola pakcik dari kecil sampai sekarang?
16. Sepanjang Pak Ramli bergiat aktif dalam menghasilkan lagu ni, pernah atau tidak Pak Ramli, berapa banyak pertandingan nyanyian yang telah Pak Ramli sertai?

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

17. Adakah Pak Ramli masih menyimpan hadiah-hadiah dari pertandingan tersebut sekirannya pernah memenangi sebarang pertandingan?
18. Siapa yang sebenarnya mendorong dan memberi galakan kepada Pak Ramli dalam bidang ini untuk meneruskan kerjaya seperti sekarang? Adakah dari ayah atau ibu?
19. Adakah lirik yang Pak Ramli buat tu berdasarkan pengalaman?
20. Apakah genre muzik yang PakciPak Ramli gemari?
21. Konsep lagu atau konsep muzik yang macam mana Pak Ramli minat?
22. Apa senarai lagu dan karya Pakc Ramli pernah hasilkan? Sehingga diingati sehingga sekarang?
23. Dalam banyak-banyak lagu yang Pak Ramli hasilkan, lagu mana yang Pak Ramli paling suka?
24. Lagu mana yang banyak beri impak dan kenangan kepada Pak Ramli?
25. Boleh Pakcik Ramli ceritakan proses mencipta lagu tu dan siapa yang terlibat dalam hasil lagu tersebut?
26. Sepanjang hidup Pak Ramli berapa buah lagu yang Pakcik Ramli hasilkan?
27. Antara lagu-lagu yang pakcik Ramli hasilkan, boleh Pak Ramli nyanyikan sedikit?
28. Sepanjang pakcRamli bergiat dalam bidang seni n, ke mana Pak ramli pernah pergi?
29. Ke setiap negara atau negeri yang Pak Ramli pergi, adakah Pak Ramli membuat persembahan secara solo atau berkumpulan?
30. Apakah perbezaan sambutan di negara sendiri dan di luar negara?
31. Apakah pendapat-pendapat pakcik Ramli terhadap seni hiburan sekarang n?
32. Apakah kriteria yang perlu ada pada seorang penulis lagu dan seorang penyanyi untuk kita jadikan contoh kepada generasi yang akan datang?
33. Apakah pendapat Pak Ramli terhadap perbezaan kualiti muzik yang dahulu dengan yang sekarang ni?
34. Macam mana kita nak perkenalkan lagu tradisi tu pada masyarakat yang akan dating?
35. Seperti yang kita dapat tengok banyak apa rancangan-rancangan dekat tv, rancangan nyanyian, maksudnya, apa pendapat pakcik tentang rancangan tu?

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HAJI RAMLI BIN IBRAHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI TOKOH PENDUKUNG SENI TERENGGANU 2015**

**27 MEI 2017**

**NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH**

**MOHD FARHAN BIN AZIZAN**

36. Seterusnya, kalau lah pakcik diberikan peluang, apakah tindakan yang pakcik akan ambil untuk memartabatkan lagu-lagu tradisi?
37. Pernahkah Pakcik Ramli suarakan pendapat pakcik ni ke pihat atasan mengenai tindakan yang pakcik akan buat sekirannya diberi peluang itu?
38. Apa nasihat peribadi pakcik Ramli ni jika ada anak-anak muda sekarang ni yang nak menceburkan diri dalam bidang penulisan lagu?
39. Apakah nasihat pakcik Ramli kepada artis yang baru sekarang ini?
40. Apakah pendapat pakcik, ciri-ciri seorang artis untuk dia bertahan lama dalam bidang industri muzik tanah air ini?
41. Pernah atau tidak Pak mendapat tawaran untuk menjadi juri persembahan nyanyian?
42. Adakah Pakcik ada menghasilkan lagu baru? Apa tajuk lagu baru yang pakcik buat?
43. Seterusnya saya nak tanya, mungkin soalan ni bagi pakcik Ramli sensitif sedikit. Sepanjang Pakcik Ramli menghasilkan lagu dan menyanyi, adakah pakcik Ramli mendapat sebarang royalti daripada penghasilan lagu-lagu tradisi di Terangganu ini?
44. Boleh pakcik Ramli sebut sedikit tentang anugerah –anugerah yang pernah pakcik Ramli terima sebelum dan selepas dianugerahkan anugerah tokoh ni ?
45. Apakah kenangan yang pakcik rasa pakcik tak boleh lupa sampai ke hari ini?
46. Macam mana pakcik berhadapan dengan kenangan-kenangan pahit dan siapa yang memberi dorongan kepada pakcik?
47. Pernah tak pakcik sepanjang menghasilkan lagu, pakcik terlintas untuk berhenti dari meneruskan segala usha pakcik?
48. Terima kasih banyak-banyak kerana sudi luangkan masa dengan kami dan kami harap PakCik Ramli tidak keberatan sekirannya saya menghubungi dan ingin menemu ramah pakcik di lain hari.

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

## PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA Kelantan dengan ....Tuan Haji Kamli bin Ibrahim....

Pada ....27/5/2017....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA Kelantan untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:** -

   Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari .................. (tarikh). Dipersetujui pada ........................ oleh kedua pihak yang berkenaan.

..................................

*Pengkisah (interviewee)*

..................................

*Ketua Pusat Pengajian*
*Fakulti Pengurusan Maklumat*
*Universiti Teknologi MARA Kelantan*

Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tel 04-4562384/85/86/87
Faks. 04-4562234

TAHUN MELAWAT
UiTM KEDAH 2017
mai singgah kampus kami

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani
08400 Merbok, Kedah
Tel 04-4562000 Faks 04-4562234
http //www kedah uitm edu my

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Surat Tuan :
Surat Kami : 100-UITMKDH(HEA.30/7/2)
Tarikh : 23 Mei 2017

Kepada Sesiapa Yang Berkenaan

Tuan/Puan

**PENGESAHAN SEDANG BELAJAR DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Nama : NUR SOLEHAH BINTI IZZAT ULLAH SHEIKH
No. KP / Pasport : 950503115272
No. Pelajar : 2015143143

Dengan ini disahkan bahawa penama di atas adalah pelajar Universiti Teknologi MARA yang sedang mengikuti program SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN PERPUSTAKAAN. Bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar bagi semua program akademik.

Butiran pelajar adalah seperti berikut :

| | | |
|---|---|---|
| Program | : | SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN PERPUSTAKAAN |
| Fakulti | : | FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT |
| Mod Pengajian | : | SEPENUH MASA |
| Kampus | : | UiTM Kampus Sungai Petani |
| HPNG | : | 2.95 |
| Sesi Masuk | : | SESSION 2 2015/2016 |
| Jangka Tamat | : | JULAI 2018 |

Sekian dimaklumkan.

Yang benar

**SALINA A. RAHAMAN**
PEGAWAI EKSEKUTIF
b.p Rektor

Borang PPL HEAA 1/2014

# BORANG PENGESAHAN PENCERAMAH LUAR

1. Sila isi borang dan dapatkan pengesahan daripada Bahagian Polis Bantuan UiTM Cawangan Kedah.
2. Sila lampirkan borang ini bersama borang C (Tabung Amanah Pembangunan Akademik Pelajar) (TAPA).
3. Sila lampirkan Profil / CV Penceramah Luar

A. Maklumat Aktiviti

Nama Aktiviti : Oral Documentation

Anjuran : IM244

Tarikh Aktiviti : ____

Tempat Aktiviti: ____

B. Maklumat Penceramah Luar

Nama Penuh : Haji Ramli bin Ibrahim

Organisasi : ____

Jawatan : ____

Tajuk Ceramah : ____

C. Maklumat Penganjur

1. Nama Pelajar : Nur Solehah bt ~~Izzat Ulfah Sheikh~~
2. No. Telefon : 013-9977420
3. Tandatangan : [signature]

1. Nama Penasihat Aktiviti : Dr. Azree
2. No. Telefon : ____
3. Tandatangan : ____

## Pengesahan Polis Bantuan, UiTM Cawangan Kedah

Adalah dengan ini disahkan bahawa penceramah di atas *dibenarkan/~~tidak dibenarkan~~ menyampaikan ceramah sebagaimana di atas.

Tandatangan Ketua Bahagian : [signature]

(MOHD IQBAL BIN ABDULLAH) ASP / PB
Pegawai Keselamatan Kanan
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Kedah

Cop Jawatan : ____

Tarikh : 21/5/2017.

Catatan (jika ada) : ____

Cop
Tarikh
Terima